



## **POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH**

Semambu, 25350 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel.: 09-5655300

Fax : 09-5663104

<http://www.polisas.mypolycc.edu.my>



# **SIARAN MEDIA**

## **MINGGU TRANSFORMASI SISWA BINA JATI DIRI PELAJAR**

**KUANTAN, 31 Julai 2025** – Minggu Transformasi Siswa (MTS) pelajar baharu program Diploma sesi akademik 2025/2026 yang berlangsung selama tiga hari bukan sahaja memberi pendedahan awal proses pengajian dan suasana kampus tetapi lebih kepada untuk mengukuhkan jati diri dan membangunkan sahsiah pelajar.

Pengarah Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Hisamudin Mohd Tamim berkata, fokus POLISAS bukan sahaja menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal, tetapi juga membentuk sahsiah dan daya kepimpinan yang kukuh.

“ Pelajar perlu sentiasa fokus kepada pembelajaran akademik dan pada masa yang sama, pelajar juga perlu menjaga perilaku serta aktif dalam program-program kokurikulum yang dilaksanakan oleh politeknik misalnya, sama ada di peringkat jabatan, kebangsaan mahupun antarabangsa ”, katanya pada Majlis Perasmian Penutup MTS Sesi Akademik 2025/2026 yang berlangsung semalam.

Dalam ucapannya, Hisamudin juga turut menegaskan, POLISAS sememangnya optimis dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja berkemahiran dalam bidang teknikal, tetapi juga berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa serta mempunyai peluang yang tinggi dalam pasaran pekerjaan ataupun melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

“ POLISAS mencatatkan pencapaian kebolehpasaran graduan melebihi 95% setiap tahun dan ini membuktikan graduan yang dilahirkan mempunyai nilai dan kualiti yang diperlukan pihak industri ”, ujarnya lagi.

Hari pendaftaran pelajar baharu yang berlangsung pada 27 Julai 2025 merekodkan 1281 pelajar telah mendaftar di POLISAS dalam 14 program pengajian yang ditawarkan.

**-TAMAT-**

**POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH**  
**Kementerian Pendidikan Tinggi**